

Tiga lagi disahkan positif koronavirus

PUTRAJAYA - Tiga warga China yang disyaki dijangkiti koronavirus sebelum ini disahkan positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya semalam mengesahkan maklumat itu sekali gus menjadikan jumlah mereka yang positif wabak berkenaan sebanyak tujuh orang.

“Kes terbaru itu melibatkan seorang kanak-kanak berumur empat tahun yang dirawat di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi dan lelaki berusia 52 tahun yang diisolasi di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, menantu kepada pesakit koronavirus pertama di Singapura turut disahkan positif selepas menjaga anaknya yang dikuarantin di Hospital Sungai Buloh.

“Dia yang terdahulunya berstatus negatif telah mengambil keputusan untuk tinggal di Malaysia bagi menjaga kedua-dua anaknya yang positif koronavirus dan sedang menerima rawatan di wad isolasi hospital berkenaan,” katanya.



DR NOOR HISHAM